

# Persisi akan lancar lagi projek cari wang

18 NOV 1980

**PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi)** akan melancarkan satu lagi kempen mencari wang untuk membiayai dua projek pentingnya sebelum akhir tahun ini.

Projek menganjurkan walkathon dijangka pada 7 Disember bertujuan mengumpulkan kira-kira \$30,000 lagi, kata Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari H.M. Uriff.

Dia menarik perhatian

*pencah silat*  
bahawa mereka merancang untuk mengadakan pertandingan silat antara balai rakyat dan ini akan diikuti dengan pertandingan silat kebangsaan pada bulan depan bertempat di Panggung Negara. Tarikh pertandingan ini akan diumumkan kelak.

Singapura juga, katanya, akan menyertai pertandingan silat tiga negara yang dijadualkan berlangsung di Malaysia pada awal tahun depan.

"Sebagai badan induk

silat di Republik ini, Persisi juga bertanggungjawab mengadakan pertunjukan-pertunjukan silat di dalam dan di luar negeri. Oleh kerana itu, untuk menganjurkan pertunjukan, soal kewangan adalah merupakan salah satu faktor utama," dia menerangkan lagi.

Acara walkathon itu akan dirasmikan oleh Setiausaha Parlimen Perhubungan dan Kebudayaan, Encik Sidek Saniff di Balai Rakyat Eunos Cres-

cent mulai 9.00 pagi.

Mereka yang ingin menyertai walkathon sejauh 5 kilometer itu, yang akan melalui Jalan Eunos, Paya Lebar Way, Eunos Road, Jalan Ubi, Sims Avenue dan berakhir di balai itu, boleh mendapatkan borang-borang penyertaan dari pegawai-pegawai Persisi ataupun kerabatnya.

Borang-borang boleh juga didapati dari Encik Johari (tel: 633136) dan Jaafar Yaakob (tel: 4424669).

## Buku Silat dan suka-duka yg dialami Persisi

Berita Minggu

23 NOV 1980

**PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi)** sedang berada dalam keadaan suka dan duka dalam usahanya menerbitkan Buku Silat.

Suka, kerana sejauh ini kira-kira 60 peratus dari bahan-bahan yang diperlukan sudah diperolehinya menerusi kajian-kajian yang dijalankan.

Duka, kerana sejauh ini masyarakat setempat belum memberikan sumbangan ke arah projek itu, malah beberapa badan kerabat Persisi sendiri tidak memberikan kerjasama secara penuh.

### Maklumat

"Oleh itu Persisi akan bergantung sepenuhnya pada bahan-bahan yang mampu diperolehi atas usaha sendiri dan dari kerabat-kerabat yang bekerjasama penuh atau yang memberi maklumat sambil merahsiakan sebahagian darinya," kata Setiausaha Agung Persisi, Encik Johari Uriff.

Memandangkan keadaan ini juga, sekiranya kerjasama yang lebih meluas tidak juga diterima oleh Persisi dalam masa-masa seterusnya, ia akan mengusulkan bahan-bahan yang ada padanya untuk dicetak.

"Jika buku itu diterbitkan kelak, jangan pula ada pihak yang mengatakan itu dan ini, atau merendah-rendahkan mutu buku yang akan menumpukan perhatian pada sejarah silat di Singapura itu.

### Rakaman

"Kami telah membuka pintu dengan seluas-luasnya untuk menyertakan di dalamnya penerangan-penerangan dan maklumat dari masyarakat umum. Jika mereka tidak berikan kerjasama, kritik yang akan menyusul nanti tentu sekali tidak berasas," tegas Encik Johari lagi.

Buku Silat merupakan satu projek kerjasama tiga negara — Indonesia, Malaysia dan Singapura — bagi menjadikannya satu buku yang merakam

seni silat terbaik di rantau ini dan akan disalurkan ke pasaran antarabangsa, termasuk Eropah dan Amerika.

Memandangkan kedudukannya yang penting dan serba mewakili dalam bidang seni silat di rantau ini, Persisi sangat-sangat berharap akan mendapat kerjasama masyarakat, khususnya dari guru-guru silat yang sebahagiannya sudah 'bersara' kerana sebab-sebab usia atau kesihatan.

"Orang-orang ini mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang meluas dalam seni silat dan jika mereka dapat memberikan bahan-bahan mengenai sesuatu jenis

silat yang ada di Singapura, tentu sekali mutu buku silat itu akan terjamin," jelas Encik Johari lagi.

Tambahan lagi, sekiranya maklumat yang mereka miliki itu dipendamkan saja, maka ia akan terkurbur sama bila orang-orang itu meninggal dunia kelak. Ini akan merugikan dunia persilatan, baik di Singapura mahupun di rantau ini dan masyarakat antarabangsa.

Mereka yang sedia bekerjasama dengan Persisi untuk kepentingan dunia silat boleh menghubungi Encik Johari di Blok 10, 2371-F, Eunos Crescent, telefon 7458669.